



**NAJIB TUN RAZAK** mempengerusikan Simposium Pasaran Modal Dunia 2015 di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, **Datuk Seri Mustapa Mohamed** (kiri); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Datuk Seri Abdul Wahid Omar** (dua dari kanan) dan **Ranjit Ajit Singh**. - BERNAMA

# Pasaran modal masih sihat

Oleh **FADZIL ZAINOL**  
dan **AZMAN IBRAHIM**  
[ekonomi@utusan.com.my](mailto:ekonomi@utusan.com.my)

**KUALA LUMPUR 3 Sept.** - Pasaran modal negara tahun ini masih sihat dengan nilai pelancaran bon dan tawaran awam permulaan (IPO) atau ekuiti yang mampu dikumpul mencecah RM75 bilion, mengikut perkiraan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Pengerusi SC, **Datuk Ranjit Ajit Singh** berkata, daripada nilai itu RM70 bilion berbentuk bon manakala selebihnya adalah ekuiti.

Kata beliau, anggaran itu dapat mempamerkan kedudukan pasaran modal atau aktiviti meraih dana tempatan masih lagi rancak, di sebalik cabaran semasa yang telah menjejaskan beberapa pas-

aran modal dunia.

"Tahun-tahun sebelum ini aktiviti meraih dana bernilai RM90 bilion. Namun buat masa ini mengikut maklumat yang kami ada ia mencecah RM75 bilion dan jumlah itu masih membanggakan memandangkan pasaran modal dunia ketika ini tidak menentu.

"Apapun, ketidaktentuan pasaran ini tidak boleh dielakkan. Kita mengamalkan keterbukaan pasaran kepada pelabur tempatan dan asing, kita perlu menerima apa jua cabaran-cabaran yang menda tang," katanya kepada pemberita selepas majlis pembukaan Simposium Pasaran Modal Dunia 2015 di sini hari ini.

Aktiviti meraih dana khususnya IPO di Bursa Malaysia mencatatkan penurunan bagi tahun ini apabila setakat Ogos hanya

sembilan IPO dilancarkan. Malah, bilangan pelancaran IPO menunjukkan kemerosotan sejak 2010 yang berjumlah 29, 2011 (28), 2012 (17), 2013 (17) dan tahun lalu sebanyak 15.

Bagaimanapun jelas **Ranjit**, pasaran modal Malaysia masih lagi kukuh dan tersusun walaupun turut ditimpa kesan kemerosotan pasaran saham dunia. Tambahnya, sehingga kini nilai pasaran bon tempatan mencecah RM1 trilion dan pasaran ekuiti RM1.7 trilion, yang disokong oleh institusi-institusi pelaburan tempatan.

Menurut kajian MIDF Research, dalam tahun ini sehingga awal Ogos, secara terkumpul, pelabur-pelabur asing secara bersih menjual kira-kira RM11.7 bilion pegangan saham mereka di Bursa Malaysia.